



MAJLIS ISLAM SARAWAK

MAJLIS ISLAM SARAWAK

ARAS 16 & 17,
MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAMSHAH,
JALAN P.RAMLEE,
93400 KUCHING, SARAWAK.

Emel : mis50@sarawak.gov.my
Laman Web : www.mis.sarawak.gov.my

PEJABAT YANG DIPERTUA

TEL :082-507214 FAKS :082-507240

PEJABAT SETIAUSAHA

TEL :082-507215 FAKS :082-507241

TALIAN AM

TEL :082-507251/507250 FAKS:082-507254

Rujukan Kami: JAIS/KIM/PMS/700-2/1/3 (05)

Tarikh : 28 September 2020

SEMUA Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau Seluruh Negeri Sarawak

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

PEKELILING HAL EHWAL MASJID BIL.4/2020: PINDAAN KLAUSA 7.1, KAEDAH PENGURUSAN MASJID DAN SURAU, 2004 (PINDAAN 2008)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Masjid Dan Tanah Perkuburan - Majlis Islam Sarawak Kali Ke-40 Bil. 5/2020 bertarikh 19 Ogos 2020 telah bersetuju meluluskan pindaan terhadap Klausula 7.1: Kaedah Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Sarawak seperti berikut:

7. TANGGUNGJAWAB AHLI JAWATANKUASA


7.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan hendaklah diadakan sekurang-kurangnya **TIGA (3)** bulan sekali atau **lebih** mengikut keperluan dan dikira sah dengan kehadiran tidak kurang daripada **DUA PERTIGA (2/3)** ahli yang dilantik, tidak termasuk Juru Audit Dalam. Salinan minit mesyuarat berkaitan hendaklah dikemukakan kepada Majlis Islam Sarawak dalam tempoh 30 hari selepas mesyuarat.

3. Sehubungan itu, arahan pindaan ini hendaklah **berkuatkuasa penggunaannya mulai 1 Oktober 2020**.

4. Atas perhatian dan kerjasama pihak Yang Berbahagia Datuk/ Tuan/ Puan dalam hal ini, kami merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian.

"PEMACU KECEMERLANGAN UMMAH"
"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"


(HAJI KHALIDI BIN HAJI IBRAHIM)
Setiausaha
Majlis Islam Sarawak